



**MINIT MESYUARAT KALI KE-57 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
YANG DIADAKAN PADA HARI JUMAAT 21 DISEMBER 2018, JAM 3.00 PETANG  
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANSOLORI KAMPUS INDUK  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

---

**Kehadiran**

**:**

**Pengerusi**

YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma binti Ismail  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBrs. Profesor Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim  
Pengarah Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria  
Pengarah Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Musa bin Ali  
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

YBrs. Profesor Madya Dr. Sundramoorthy A/L M.Pathmanathan  
(Presiden)

Puan Siti Noraini binti Jupri  
Dr. Ahmad Sufiril Azlan bin Mohamed  
Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim  
Encik Mohammad Zaip bin Ahmad

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

YBrs. Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim (Presiden)  
Encik Azham Bin Murat  
Encik Syaarani Amri bin Muhamad  
Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain  
Encik Ramli Bin Yusob  
Encik Rahmat bin Md Hassan

**Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad  
Setiausaha  
Kesatuan Kakitangan Am

**Turut Hadir**

Mohammad Bin Abdullah  
Timbalan Bendahari Kanan  
Jabatan Bendahari

Encik Mohd Rashid bin Abdul Rejab  
Timbalan Pendaftar  
Pejabat Naib Canselor

Puan Siti Hajar binti Mohd Sani  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Siti Aishah binti Abdul Raffar  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Rozie Aniza Kartini binti Che Ghani  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Haslinda Binti Yusof  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Tidak Hadir  
Dengan Maaf :**

YBrs. Dr. Rohayati binti Mohd Isa  
Bendahari

YBrs. Encik Mohd Saad bin Hj. Din  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Mohd. Zarawi b. Mat Nor  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Shaik Farid Abdull Wahab  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

**MINIT 1 Aluan Pengerusi**

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan Pengerusi kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat kali ke-57 Majlis Bersama Jabatan dan memaklumkan ketidakhadiran ahli. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa Mesyuarat kali ke-57 Majlis Bersama Jabatan merupakan mesyuarat terakhir bagi tahun 2018.

- 1.1 Majlis merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM) yang baharu dilantik bagi sesi 2018-2020 melalui Mesyuarat Agung kali ke-21 yang telah diadakan pada 14 November 2018.



- 1.2 Majlis juga merakamkan ucapan tahniah kepada ahli majlis yang telah dilantik semula sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kesatuan Kakitangan Am USM bagi tempoh 2018-2020.
- 1.3 Majlis memberi ucapan aluan kepada ahli majlis baharu yang telah dilantik mengikut perlembagaan MBJ yang baharu sebagai ahli Majlis Bersama Jabatan USM. Ahli yang terlibat adalah:-
  - i) Wakil Pekerja (Kesatuan Kakitangan Am)
    - ❖ Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim  
Naib Presiden (KKAUSM)
    - ❖ Encik Azham Bin Murat  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif
- 1.4 Majlis turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kesatuan Kakitangan Am (KKAUSM) yang tidak lagi terlibat dalam Majlis Bersama Jabatan diatas sumbangan dan sokongan yang diberikan. Ahli tersebut adalah seperti berikut:-
  - i) Wakil Pekerja (Kesatuan Kakitangan Am)
    - ❖ Encik Khairul Azhar Bin Jaafar
    - ❖ Encik Mohd Shukur Bin Abidin

[Tindakan : Makluman]

## **MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat**

Ahli Majlis mengesahkan Minit Mesyuarat ke-56 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Jumaat, 21 September 2018, jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Persidangan Canselori, Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

[Tindakan : Urusetia MBJ]

## **MINIT 3 Perkara-Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-56**

### **3.1 [Minit 5.1.1] Human Competency Management System (HCMS)**

Mesyuarat bersetuju untuk pertukaran nama Human Capital Management System Kepada Human Competency Management System (HCMS).

[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]

### **3.2 [Minit 6.1]: Caj Perkhidmatan Rawatan di Hospital Pulau Pinang**

Pihak KKAUSM telah memaklumkan bahawa, mereka telah melaksanakan semakan dengan Agensi Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain turut dikenakan caj yang sama seperti caj yang dikenakan kepada staf USM.

Pengarah HUSM memberi maklumbalas bahawa, beliau telah berjumpa dengan wakil Kementerian Kesihatan iaitu YBhg. Dato' Dr. Hj. Azman bin Hj. Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan dan membangkitkan isu berkenaan caj yang dikenakan oleh Hospital Pulau Pinang kepada staf USM. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa, berdasar kepada peraturan yang ditetapkan, Agensi Badan Berkanun dikenakan caj rawatan di hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian memaklumkan akan membantu untuk menyemak semula isu berkenaan caj yang telah dikenakan oleh Hospital Pulau Pinang kepada USM.

Pengarah HUSM turut memaklumkan bahawa, pihaknya telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kesihatan melalui Pemangku Naib Canselor, YBrs. Profesor Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed, berkenaan caj perkhidmatan rawatan di Hospital Pulau Pinang pada bulan November 2018.

**Keputusan;**

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan maklumbalas yang telah diberikan oleh Pengarah Kampus HUSM.

**[Tindakan : Makluman]**

**MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan**

**4.1 Kemajuan Aktiviti Pembekalan Pakaian Seragam**

Mesyuarat telah mengambil perhatian dan makluman terhadap pembentangan oleh wakil Bahagian Sumber Manusia berkenaan kemajuan aktiviti pembekalan pakaian seragam.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa, Jawatankuasa Perolehan B telah tidak meluluskan 4 item daripada 55 item yang ditender atas beberapa alasan melibatkan spesifikasi.

Turut dibangkitkan adalah isu berkaitan kepelbagaian warna pakaian seragam di HUSM yang menyukarkan proses pembekalan.

**Keputusan;**

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan aktiviti pembekalan pakaian seragam. Mesyuarat bersetuju agar Pengarah HUSM mengadakan perbincangan berkenaan spesifikasi dan warna pakaian seragam bagi staf HUSM melalui Pasukan Petugas Pakaian Seragam di bawah Bahagian Sumber Manusia.

**[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia & Pengarah HUSM]**

**MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja**

**5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

Tiada perkara daripada PKAPUSM

**5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)**

**5.2.1 Cadangan Model Insurans Kelompok**

Pihak KKAUSM telah mengemukakan cadangan model insurans staf secara ringkas untuk dijadikan sebagai asas dan perbandingan bagi tujuan pertimbangan Universiti dalam memperkenalkan Insurans Kelompok kepada warga USM.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa, wakil dari KKAUSM telah memohon untuk mendapatkan maklumat secara terperinci berkenaan model insurans yang digunakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Walau bagaimanapun, maklumat tersebut masih belum diperolehi.



Pengerusi mencadangkan agar pihak KKAUSM mengadakan lawatan ke Universiti berkenaan dan mengadakan perbincangan lanjut berkenaan perkara ini bagi mempercepatkan proses pengumpulan maklumat.

**Keputusan;**

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan model insurans tersebut dan bersetuju agar perkara tersebut dibentangkan semula dengan maklumat yang lebih lengkap.

[Tindakan : Jabatan Bendahari & KKAUSM]

**MINIT 6 : Hal-hal Lain**

**6.1 Ucapan Penghargaan Kepada Pejabat Pendaftar & Bahagian Sumber Manusia**

Pihak PKAPUSM merakamkan ucapan terima kasih kepada Pejabat Pendaftar dan Bahagian Sumber Manusia atas maklumbalas dan maklumat melalui sesi penerangan berkaitan isu-isu kemajuan kerjaya staf akademik yang telah diadakan pada 26 November 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Keselamatan.

[Tindakan : Makluman]

**6.2 Permohonan Kemajuan Kerjaya Staf Akademik Dibuka Sepanjang Masa**

Pihak PKAPUSM memohon kepada pihak Pengurusan Tertinggi USM agar permohonan kemajuan kerjaya staf akademik dibuka sepanjang masa tanpa menetapkan tarikh akhir permohonan. Perkara ini akan memberi ruang kepada staf akademik untuk mengemukakan permohonan kenaikan pangkat tanpa terikat pada tarikh akhir penyerahan. Walau bagaimanapun, tarikh semakan (*Vetting*) boleh diadakan mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa.

Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa memberi maklumbalas bahawa, sekiranya pelaksanaan proses tersebut dilaksanakan ianya akan memberi kelebihan kepada sesetengah pihak sahaja dan tidak menyeluruh dimana jika tarikh semakan permohonan kemajuan kerjaya dilaksanakan pada bulan Julai dan permohonan dibuat pada bulan Januari, terdapat 7 bulan *output* penyelidikan yang tidak dikemukakan dan tidak diambil kira dalam proses kemajuan kerjaya. Selain itu, berdasarkan rekod permohonan kemajuan kerjaya, staf hanya akan membuat permohonan pada saat akhir walaupun pemakluman awal telah dikeluarkan.

Walaupun bagaimanapun, kaedah permohonan tersebut dapat dipertimbangkan untuk pelaksanaan ke atas permohonan kemajuan kerjaya bagi Pensyarah Kanan ke Profesor Madya kerana pihak Universiti telah memulakan penilaian secara dalaman sahaja iaitu melibatkan Penilai di kalangan profesor di Universiti Sains Malaysia.

**Keputusan;**

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju agar permohonan kemajuan kerjaya dibuka sepanjang masa hanya untuk kenaikan pangkat ke Profesor Madya manakala kenaikan pangkat ke Profesor A, B, dan C akan disemak dahulu kerana proses tersebut masih melibatkan penilai luar dari Universiti Sains Malaysia.

[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]

### 6.3 Status Terkini Laluan Kemajuan Kerjaya 4 Track

Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa memberi maklumat terkini berkenaan laluan kemajuan kerjaya 4 Track dimana terdapat beberapa laluan kemajuan kerjaya masih diperingkat semakan serta pengumpulan maklumat terperinci bagi mendapatkan *output* yang terbaik. Laluan Pengajaran (*Teaching Track*) telah siap kaedah penilaian dan dalam proses *pilot test* untuk memastikan kesesuaiannya.

Pendaftar memaklumkan bahawa Universiti juga telah menyediakan kerangka bagi Laluan Kepimpinan (*Leadership Track*). Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut berkenaan kerangka ini akan diadakan pada bulan Februari 2019 untuk membincangkan kaedah penilaian yang selari dengan Kerangka Kompetensi USM.

Pendaftar turut memaklumkan bahawa, tempoh percubaan (*Pilot Test*) untuk Penilaian Kemajuan Kerjaya 4 Track bagi Kenaikan Pangkat Profesor A, B dan C akan dilaksanakan dalam suku pertama tahun 2019.

#### Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan status terkini pembangunan Laluan Kemajuan Kerjaya 4 Track dan aktiviti *pilot test* yang akan dilaksanakan dalam suku pertama tahun 2019.

[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :

  
ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN  
MOHAMAD TAJULARIFFIN  
Setiausaha Bersama MBJ USM

Diseiakan oleh :

  
ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD  
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)  
MBJ USM